



**PERBADANAN LABUAN**  
**PETI SURAT 81245**  
**87022 W.P. LABUAN**

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

TAJUK PROJEK DAN NO. TENDER	KELAS KEPALA DAN SUB-KEPALA	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	TEMPAT DAN TARIKH MELAPOR DIRI BAGI LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH TENDER DITUTUP
<b>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KAWASAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH MILIK PERBADANAN LABUAN BAGI TEMPOH 24 BULAN</b>  <b>NO. TENDER:</b> <b>PL.(T).01.2023(JPP)</b>	Berdaftar dengan <b>Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah</b>  Kod Bidang : <b>221002 (Membersih Kawasan)</b>  dan <b>Menyediakan seorang petugas yang memiliki Sijil Kompetensi CePLTPO daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air</b>	Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan  <b>15.2.2023 sehingga 27.2.2023</b>  (semasa waktu pejabat)	<b>TAKLIMAT 15.2.2023 (Rabu)</b>  Masa: 9.00 pagi  Melapor diri di Bilik Inovasi, Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan W.P.Labuan	RM 100.00 (Bank Draf / Wang Pos)  Perbadanan Labuan  (Tidak dikembalikan)	<b>8.3.2023 (Rabu)</b>  Jam 12.00 Tengah hari  Peti Tender No. 1  Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen tender tidak akan dijual kepada kontraktor yang tidak menghadiri taklimat.

Hanya penama dalam sijil asal pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak tender. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)

Masa Penjualan Dokumen: **Isnin – Khamis : (8.00 pagi – 1.00 petang) / (2.00 petang – 4.00 petang)**  
**Jumaat : (8.00 pagi – 11.00 pagi) / (2.00 petang – 4.00 petang)**

Dokumen Meja Tender boleh disemak di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran semasa waktu pejabat. Bagi tujuan pembelian dokumen tender, Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh Pejabat yang mengeluarkannya.**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan jelas di penjujur atas sebelah kiri No. Tender dan Tajuk Kerja dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
**PERBADANAN LABUAN**  
**JABATAN KEWANGAN, BLOK A, TINGKAT 2**  
**WISMA PERBADANAN LABUAN**  
**87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN LABUAN DI ALAMAT: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)